

17 NOV 1999

Adnan-Calon

TIGA PENYANDANG BN BERI LALUAN KEPADA MUKA BARU

KUANTAN, 17 Nov (Bernama) -- Sekurang-kurangnya tiga penyandang kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang daripada Barisan Nasional (BN) menawarkan diri untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum 29 Nov ini bagi memberi laluan kepada calon-calon baru.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini berkata ketiga-tiga penyandang itu juga memberi pengakuan untuk terus bekerja keras membantu kemenangan calon BN yang dipilih bagi menggantikan mereka kelak.

"Sekiranya ramai yang bersikap seperti ketiga-tiga mereka ini yang menyatakan ingin bersara dan menyokong parti dalam pilihan raya, akan selamatlah parti," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan tertutup dengan bekas wakil rakyat negeri itu di sini.

Pada pilihan raya umum 1995, BN memenangi 37 daripada 38 kerusi DUN manakala kerusi tunggal yang dimenangi DAP ialah DUN Triang. BN juga menyapu bersih kesemua 11 kerusi Parlimen.

Adnan berkata pilihan raya kali ini akan menyaksikan antara lapan hingga 10 muka baru yang akan mewakili BN. Kesemua calon akan menerima watakah pelantikan masing-masing selewat-lewatnya pagi Jumaat ini.

Adnan berkata pengguguran beberapa penyandang dibuat antara lain bertujuan memberi peluang kepada anggota-anggota parti yang lain bertanding dalam pilihan raya.

Beliau berkata pemilihan calon dibuat berdasarkan beberapa kriteria termasuk penerimaan pengundi, prestasi kerja wakil rakyat dan kredibiliti.

Bagaimanapun, katanya beliau akan mengumumkan calon-calon yang terpilih selepas menerima arahan tetap daripada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Adnan berkata hanya mereka yang berjaya terpilih sebagai calon sahaja yang akan dipanggil untuk menerima watakah perlantikan masing-masing.

Mengenai perjumpaan bersama bekas wakil rakyat itu, beliau berkata ia bertujuan menyampaikan amanat Dr Mahathir mengenai pentingnya memastikan kemenangan BN pada pilihan raya akan datang tanpa mengira siapa calonnya.

"Yang penting ialah calon yang dinamakan oleh parti diterima oleh semua pihak dan menang dalam pilihan raya bagi membolehkan BN menubuhkan kerajaan serta meneruskan rancangan pembangunan untuk kesejahteraan rakyat," katanya.

-- BERNAMA

ROS LAT